

(24 April 2022) - BH, P8

Pengunjung serbu lokasi beli-belah minggu akhir

Orang ramai manfaat wang KWSP, cuti hujung minggu beli keperluan

Oleh Awatif Hasani
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Berbaki seminggu lagi sebelum orang ramai pulang ke kampung bagi menyambut Aidilfitri, kebanyakan lokasi beli-belah semalam, dibanjiri mereka yang mahu membeli barang keperluan menjelang perayaan.

Cuti hujung minggu dan kemudahan pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak RM10,000 yang dibenarkan kerajaan, membolehkan orang ramai membeli-belah barangan keperluan keluarga untuk dibawa pulang ke kampung.

Tinjauan di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman, di sini, mendapati suasana meriah dengan ramai pengunjung datang seawal jam 10 pagi bersama keluarga.

Setiausaha bank, Suryawati Amran, berkata beliau sudah merancang perbelanjaan raya lebih awal dan hanya menggunakan sedikit wang KWSP, manakala selebihnya disimpan untuk kegunaan lain.

"Sambutan Aidilfitri kali ini juga secara sederhana dan saya bersyukur dapat membeli barang diperlukan dengan adanya wang KWSP ini.

"Walaupun teruja untuk beraya di kampung dengan beban kewangan dikurangkan selepas dibenarkan mengeluarkan simpanan KWSP, tetapi kita perlu bijak membuat pelaburan untuk masa depan juga," katanya.

Suri rumah, Nellyza Hasan, berkata wang KWSP diperoleh suaminya dapat membantu meringankan beban perbelanjaan raya mereka sekeluarga.

"Wang itu membolehkan kami membeli barang persiapan raya yang diperlukan untuk memeringankan sambutan Aidilfitri kali ini selepas dua tahun beraya dengan cara sederhana.



Nurhidayah Abdullah



Orang ramai mengunjungi Jalan Tuanku Abdul Rahman sempena cuti hujung minggu bagi membeli barang persiapan menyambut Aidilfitri.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

"Ia juga meringankan lagi beban bayaran kereta, sewa rumah dan lain-lain," katanya.

Sementara itu, peniaga baju kurung, Nur Hidayah Abdullah berkata, pengunjung semakin ramai pada minggu akhir ini dan semua gerai peniaga mendapat sambutan dengan jualan dijangka terus meningkat sehingga malam raya.

"Kami mula beroperasi dari jam 10 pagi hingga jam 12 malam dan mungkin berlarutan beroperasi sehingga habis pengunjung. Biasanya pengunjung ramai pada Jumaat, Sabtu dan Ahad.

"Berdasarkan cara pembelian, kita tahu masyarakat teruja menyambut Aidilfitri kali ini. Mereka membeli-belah bukan sahaja untuk diri, malah untuk keluarga di kampung juga," katanya.

Peniaga songkok, Muhammad Herman Abdul Wahab pula berkata, jualan sambutan raya kali ini sangat memberangsangkan, terutama pada hujung minggu dan cuti awam.



Kamarul Baharin Hanan bersama isteri, Rasmawati Abdul Majid memilih kuih raya beraneka jenis di Jalan Tuanku Abdul Rahman.

"Pada minggu pertama berpuasa, hasil jualan saya RM2,000 sehari dan sekarang mencecah hingga RM4,000 hingga RM5,000 sehari pada minggu terakhir sebelum Aidilfitri," katanya.

Peniaga biskut raya, Muhamad Helmi Roslan berkata, jualan di akhir Ramadan semakin meningkat bukan sahaja disebabkan

orang ramai mendapat KWSP, tetapi masyarakat gembira untuk menyambut raya di kampung.

"Jualan semakin meningkat selepas berniaga pada 9 April lalu. Pendapatan pada minggu awal hanya RM3,000 sehari dan kini antara RM6,000 hingga RM8,000 sehari menjelang ketibaan Aidilfitri," katanya.